

No.	Soalan	Jawapan
1	Apakah definisi Bantuan Pembayaran PEMULIH?	Bantuan Pembayaran PEMULIH merupakan bantuan pembayaran yang diperkenalkan sejajar dengan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Jun 2021 untuk membantu pelanggan yang menghadapi kesukaran dalam meneruskan pembayaran pemberian mereka semasa tempoh pandemik COVID-19.
2	Adakah Bantuan Pembayaran PEMULIH ini diberikan secara automatik?	Tidak, pelanggan perlu membuat permohonan untuk mendapatkan Bantuan Pembayaran PEMULIH ini.
3	Siapakah yang layak memohon Bantuan Pembayaran PEMULIH?	<p>a) Semua pelanggan individu (B40, M40 atau T20).</p> <p>b) Perusahaan Mikro*.</p> <p>c) Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)* yang keadaan kewangan perniagaannya terjejas akibat pandemik COVID-19.</p> <p><i>*Seperti yang ditakrifkan dalam Garis Panduan bagi Definisi PKS yang dikeluarkan oleh SME Corporation Malaysia)</i></p>
4	Siapakah yang tidak layak memohon Bantuan Pembayaran PEMULIH?	Individu di bawah caj kebankrakan, atau perniagaan yang menjalani proses pembubaran.

No.	Soalan	Jawapan
5	Apakah jenis pembiayaan yang terlibat?	<p>Jenis pembiayaan berikut (dalam mata wang Ringgit atau mata wang asing), jika pembiayaan tersebut diluluskan pada atau sebelum 30 Jun 2021 dan tetap berbayar (tidak tertunggak melebihi 90 hari pada tarikh permohonan pelanggan)</p> <p>a) Individu</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Pembiayaan rumah ii) Pembiayaan peribadi iii) Pembiayaan kenderaan iv) Pembiayaan bertempoh yang telah ditukar dari baki kad kredit* v) Pembiayaan Ar Rahnu** vi) Aliran tunai <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ *Bank Islam akan memberi pilihan kepada pelanggan untuk menukar baki kad kredit mereka menjadi pembiayaan bertempoh dengan jangka masa tidak lebih dari 3 tahun dan kadar keuntungan efektif tidak lebih dari 13% setahun. ▪ **Pembiayaan Ar-Rahnu tidak boleh tertunggak atau terjejas. ▪ Sila baca Soalan Lazim untuk Individu, Soalan Lazim untuk Individu (Kemudahan Aliran Tunai-i), Soalan Lazim mengenai Kad Bank Islam dan Soalan Lazim mengenai Ar-Rahnu untuk maklumat lebih lanjut.

No.	Soalan	Jawapan
		<p>b) Perusahaan Mikro</p> <p>Sebarang jenis pembiayaan di mana pembayaran prinsipal atau keuntungan dijadualkan pada tempoh tetap atau diselesaikan sekali gus (lump sum). Sila rujuk Soalan Lazim untuk pelanggan Perusahaan Mikro dan PKS untuk maklumat lebih lanjut.</p> <p>c) Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)</p> <p>Sebarang jenis pembiayaan di mana pembayaran prinsipal atau keuntungan dijadualkan pada tempoh tetap atau diselesaikan sekali gus (lump sum). Sila rujuk Soalan Lazim untuk pelanggan Perusahaan Mikro dan PKS untuk maklumat lebih lanjut.</p>
6	Adakah bantuan untuk kategori Perusahaan mikro dan PKS boleh digunakan untuk jenis kemudahan berikut? <ul style="list-style-type: none"> a) Pembiayaan bertempoh b) Pembiayaan bertempoh yang telah ditukar daripada bil perdagangan, Jaminan Bank, baki kad kredit atau pembiayaan Kemudahan Aliran Tunai-i (Cash Line-i) c) Bantuan Kemudahan Khas (SRF) dengan pembayaran yang akan bermula tidak lama lagi d) Bil perdagangan 	<p>Ya, bantuan ini ditawarkan untuk kemudahan yang disenaraikan di a, b, c dan d.</p> <p>Untuk kemudahan pembiayaan perdagangan di mana tempoh kemudahan tersebut tidak dapat dilanjutkan, Bank Islam menyediakan alternatif kepada pelanggan seperti menukar kemudahan perdagangan tersebut kepada pembiayaan lain.</p> <p>Untuk Kemudahan Aliran Tunai-i (Cash Line-i) dan Kemudahan Modal Berputar-i, bantuan tersebut boleh diberikan kepada pembiayaan yang telah digunakan sepenuhnya mengikut had yang telah diluluskan.</p>

No.	Soalan	Jawapan
7	Adakah pemberian baharu yang diluluskan selepas 30 Jun 2021 layak untuk mendapat Bantuan Bayaran PEMULIH ?	Tidak, pemberian yang diluluskan selepas 30 Jun 2021 tidak layak mendapat Bantuan Pembayaran PEMULIH.
8	Bilakah pelanggan boleh membuat permohonan?	Pelanggan boleh membuat permohonan mulai 7 Julai 2021.
9	Bagaimana untuk memohon Bantuan Pembayaran PEMULIH?	<p>Pelanggan boleh membuat permohonan melalui saluran berikut:</p> <p>Untuk pelanggan individu:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Laman web korporat Bank Islam <p>Untuk pelanggan Perusahaan Mikro dan PKS:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pengurus Perhubungan b) Hab PKS c) Cawangan d) emel ke: sme-assist@bankislam.com.my
10	Bolehkah pelanggan di bawah program sedia ada membuat permohonan?	Ya, pelanggan di bawah program sedia ada juga layak untuk memohon.

No.	Soalan	Jawapan
11	Apa pilihan yang tersedia untuk pelanggan?	<p>Bantuan berikut akan diberikan kepada pelanggan yang memenuhi syarat mengikut pilihan bantuan yang diperlukan:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pilihan 1: Penangguhan ansuran 6 bulan b) Pilihan 2: Pengurangan ansuran 50% selama 6 bulan (kecuali pembiayaan Ar-Rahnu bagi Individu serta Kemudahan Aliran Tunai-i, Kemudahan Modal Berputar-i dan Pembiayaan Perdagangan untuk PKS)
12	Bilakah tarikh efektif Bantuan Pembayaran PEMULIH?	<ul style="list-style-type: none"> a) Bagi pelanggan yang memohon pada bulan Julai 2021, anda mempunyai dua pilihan tarikh efektif: <ul style="list-style-type: none"> i. Bulan semasa iaitu Julai 2021; atau ii. Bulan berikutnya iaitu Ogos 2021. b) Bagi pelanggan yang memohon selepas bulan Julai 2021 iaitu mulai 1 Ogos 2021 dan seterusnya, tarikh efektif adalah pada bulan berikutnya. c) Untuk pembiayaan Ar-Rahnu, tarikh efektif adalah tarikh pembayaran berikutnya.
13	Apakah implikasi kos Bantuan Pembayaran PEMULIH ini?	<p>Keuntungan akan terus diakru pada amaun prinsipal yang belum dijelaskan tetapi tidak akan digandakan. Ini bermaksud amaun pembayaran terkumpul semasa penangguhan tempoh pembayaran akan ditambahkan ke amaun pembiayaan belum dijelaskan. Walau bagaimanapun, Bank tidak akan mengenakan caj lewat bayar pada jumlah yang ditangguhkan.</p>

No.	Soalan	Jawapan
14	Bolehkah bantuan untuk kategori Individu digunakan dalam situasi pelanggan bersama?	Ya.
15	Untuk kategori PKS, apakah yang dimaksudkan dengan pelanggan yang terkesan akibat pandemik?	<p>Memandangkan ketidakpastian dalam persekitaran dan prospek operasi, Bank pada amnya menerima perakuan kendiri pelanggan bahawa keadaan kewangan mereka telah terkesan oleh pandemik.</p> <p>Walau bagaimanapun, Bank boleh membuat penilaian semula kelayakan pelanggan. Ini mungkin memerlukan dokumen tambahan untuk menyokong perakuan kendiri pelanggan.</p>
16	Apakah yang akan berlaku kepada Bantuan Pembayaran PEMULIH pelanggan sekiranya Bank Islam mendapati bahawa pelanggan tersebut tidak layak berdasarkan kepada penilaian semula seperti soalan nombor 15 di atas?	Bank Islam berhak membatalkan bantuan tersebut dan membuat rundingan semula.
17	Adakah Bank Islam akan mengenakan syarat sebelum memberikan bantuan ini?	Tidak

No.	Soalan	Jawapan
18	Adakah Bank Islam akan mengecualikan pelanggan di bawah skim pemotongan gaji, seperti di bawah Angkasa?	Tidak. Individu yang memenuhi kriteria kelayakan juga berhak untuk memohon bantuan tersebut.
19	Adakah bantuan ini terpakai untuk kemudahan yang diberikan untuk pemilik hartanah kuasi- kediaman seperti pangaspuri servis, SOHO dan SOVO?	Ya.
20	Sekiranya pelanggan yang layak memilih Pilihan 1 atau Pilihan 2, adakah Bank Islam masih boleh memberikan bantuan tambahan kepada pelanggan?	Ya, Bank Islam boleh terus memberikan bantuan tambahan kepada pelanggan.
21	Berapa lamakah tempoh yang ditetapkan untuk memaklumkan pelanggan sekiranya mereka tidak layak menerima bantuan?	Bank Islam akan memaklumkan pelanggan yang tidak layak untuk bantuan tersebut dalam tempoh 2 hari dari tarikh permohonan.
22	Berapa lamakah tempoh yang ditetapkan untuk memaklumkan pelanggan dan proses kelulusan permohonan?	Bank Islam akan memberikan pengesahan penerimaan permohonan dengan segera kepada pelanggan.

No.	Soalan	Jawapan
		Bank Islam juga akan mengesahkan pemilihan yang dibuat oleh pelanggan telah diluluskan dalam masa 2 hari. Sekiranya pengesahan tidak dapat diberikan dalam tempoh ini, makluman penangguhan akan diberikan kepada pelanggan untuk memaklumkan bahawa permohonan mereka masih dalam proses. Pengesahan akan diberikan dalam masa 5 hari (untuk pelanggan Individu) atau 14 hari (untuk pelanggan Perusahaan Mikro dan PKS) dari tarikh pemilihan dibuat.
23	Untuk pembiayaan dengan penjamin, adakah persetujuan penjamin diperlukan terlebih dahulu?	Ya, pelanggan dikehendaki mendapatkan persetujuan daripada penjamin terlebih dahulu.
24	Apakah status akaun dalam laporan CCRIS BNM bagi pelanggan yang mendaftar Bantuan Pembayaran PEMULIH?	Akaun tersebut tidak akan diklasifikasikan sebagai akaun di bawah penjadualan semula/ penyusunan semula di dalam laporan CCRIS BNM.
25	Bagaimana pelanggan boleh mengetahui bahawa pembiayaan mereka telah mendapat Bantuan Pembayaran PEMULIH?	Bank Islam akan memaklumkan pelanggan mengenai perkara ini sama ada melalui email, SMS atau surat pemberitahuan (di mana berkenaan).
26	Apa yang akan berlaku sekiranya pelanggan tidak ingin menyertai Bantuan Pembayaran PEMULIH?	Pelanggan tersebut harus membuat pembayaran pembiayaan yang tepat pada masanya dengan bayaran penuh.

No.	Soalan	Jawapan
27	Sekiranya pelanggan tidak memenuhi syarat untuk Bantuan Pembayaran PEMULIH, apakah alternatif yang ada untuk pelanggan?	<p>Sekiranya pelanggan tidak memenuhi syarat untuk Bantuan Pembayaran PEMULIH dan mengalami kesukaran untuk meneruskan ansuran bulanan, pelanggan boleh datang ke Bank untuk berunding mengenai pelan pembayaran yang sesuai bagi membantu komitmen kewangan pelanggan. Selain itu, pelanggan boleh memohon penjadualan semula / penyusunan semula atau berunding dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) di talian 03-2616 7766 atau melayari laman sesawang AKPK di www.akpk.org.my untuk mendapatkan bantuan lanjut.</p>

Sila hubungi:

Pusat Panggilan & Jabatan Khidmat Pelanggan

Tel: **03-26 900 900**

Faks: **03-2782 1337**

Emel: contactcenter@bankislam.com.my

-Tamat-